

Headline **Kelab Junior's PHC ke FRIM**  
Date **23 Jul 2010**  
MediaTitle **Kosmo**  
Section **Kosmo 2**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Daily**  
Circ / Read **115,967 / 406,000**

Language **Malay**  
Page No **33**  
Article Size **389 cm<sup>2</sup>**  
Color **Full Color**  
ADValue **3,382**  
PRValue **10,147**



## Kelab Junior's PHC ke FRIM

SERAMAI 20 ahli Kelab Junior's Hospital Pantai Cheras (PHC) berkampung di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Selangor baru-baru ini untuk mendekatkan diri dan memupuk kecintaan terhadap alam sekitar.

Berusia 6 hingga 7 tahun program setengah hari itu melibatkan pelbagai aktiviti merentas hutan, melihat ikan dan melawat galeri FRIM. Dalam pada itu, kanak-kanak tersebut juga dijamu dengan makanan tengah hari di restoran makanan segera, McDonald's di Taman Melati, Hulu Kelang pada penghujung program.

Ahli Kelab Junior's PHC terdiri daripada mereka yang dilahirkan di PHC dan berumur 12 tahun ke bawah. Setiap tahun PHC akan menganjurkan beberapa aktiviti riadah dan aktiviti berteraskan pendidikan kepada ahli-ahlinya.

Pada 25 Julai ini, PHC akan menganjurkan Bengkel Kelab Junior yang boleh disertai oleh ahli Kelab Junior's PHC bersama ahli keluarga masing-masing.

Beberapa program akan direncanakan seperti ceramah daripada pakar pediatrik, aktiviti menyeronokkan untuk kanak-kanak selain demonstrasi kepada si kecil bagaimana untuk menggunakan alat pertolongan cemas.

Headline **Kelab Junior's PHC ke FRIM**  
Date **23 Jul 2010**  
MediaTitle **Kosmo**  
Section **Kosmo 2**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Daily**  
Circ / Read **115,967 / 406,000**

Language **Malay**  
Page No **33**  
Article Size **389 cm<sup>2</sup>**  
Color **Full Color**  
ADValue **3,382**  
PRValue **10,147**



**KANAK-KANAK PHC bergambar kenangan di hadapan sebatang pokok terbesar di FRIM.**



**KANAK-KANAK bersama keluarga dan ahli jawatankuasa PHC menikmati makan tengah hari di restoran segera McDonald's Taman Melati, Hulu Kelang.**